

AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 15  
RUANGAN : NASIONAL

## KKM nafi inisiatif Skim Perubatan MADANI dihentikan

Kementerian Kesihatan (KKM) menafikan inisiatif Skim Perubatan MADANI yang membatik klinik perubatan swasta dihentikan sepenuhnya.

Sebaliknya, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata ketika ini terdapat klinik perubatan swasta yang melaksanakan inisiatif itu membatik fasa pertama pelaksanaan di 10 daerah yang dilancarkan pada 15 Jun tahun lalu.

Daerah berkenaan membatik Kuala Lumpur, Gombak, Hulu Langat, Petaling, Klang, Johor Bahru, Kinta, Timur Laut, Kota Kinabalu dan Kuching dengan fokusnya untuk mengurangkan kesesakan pesakit di fasiliti KKM.

"Skim Perubatan MADANI

kembali menumpukan 10 daerah fasa satu memandangkan kemampunan pembiayaan (di alami kerajaan). (Bayangkan) Kalau kita buat seluruh negara, itu saja akan (menelan belanja) kos antara RM12 juta hingga 15 juta seminggu," katanya menjawab soalan Datuk Dr Alias Razak (PN-Kuala Nerus) pada Waktu Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat.

Mengenai peruntukan RM100 juta diterima untuk skim berkenaan, Dr Dzulkefly berkata, sejumlah RM78.73 juta sudah dibelanjakan baki RM16.2 juta dianggarkan habis April ini.

Justeru, beliau mengesyorkan rakyat khususnya golongan B40 memanfaatkan program kesihatan seperti PekaB40 dan Program MADANI Afiat.

AKHBAR : HARIAN METRO  
MUKA SURAT : 16  
RUANGAN : DEWAN RAKYAT

## 10 daerah terlibat Skim Perubatan Madani perlu RM1.7 juta seminggu

**Kuala Lumpur:** Keputusan kerajaan untuk kembali memberi tumpuan kepada pelaksanaan Skim Perubatan Madani di 10 daerah sahaja seperti pada fasa satu skim itu mulai Isnin lalu, dibuat selepas mengambil kira kemampuan pembiayaan kewangan semasa kerajaan, kata **Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad**.

Beliau berkata, ini memandangkan setakat semalam kerajaan membelanjakan RM78.73 juta daripada peruntukan RM100 juta bagi skim perubatan itu.

Katanya dengan anggaran perbelanjaan ini, peruntukan untuk skim berkenaan yang dilancarkan pada 15 Jun lepas, dijangka akan habis digunakan menjelang April ini.

"Justeru dalam merangka apa juga dasar kesihatan, ia mesti memenuhi *health outcome* lebih baik, lebih mampan dan pem-

biayaan yang lebih mantap dan berjangka jauh," katanya.

Beliau menjawab soalan **Datuk Dr Alias Razak (PN-Kuala Nerus)** mengenai justifikasi kerajaan meneruskan skim itu di 10 daerah terpilih sahaja sedangkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menerima peruntukan RM100 juta dalam Belanjawan 2024 untuk menambah baik skim perubatan berkenaan.

ProtectHealth Corporation (ProtectHealth) dalam kenyataan pada 27 Februari lepas memaklumkan 10 daerah itu ialah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur; Gombak, Hulu Langat, Petaling Jaya, Klang (Selangor); Johor Bahru (Johor); Kinta (Perak); kawasan Timur Laut Pulau Pinang; Kota Kinabalu (Sabah) dan Kuching (Sarawak).

Dzulkefly berkata, berdasarkan perbelanjaan lalu dan unjuran semasa, ang-

garan perbelanjaan seminggu di 10 daerah dalam fasa satu Skim Perubatan Madani adalah RM1.7 juta dan kerajaan dijangka memerlukan RM12 juta hingga RM15 juta seminggu jika mahu melaksanakannya di seluruh negara.

Beliau berkata, sebelum ini skim berkenaan diperluas ke 11 daerah lagi menerusi fasa kedua iaitu Kuala Nerus, Kuala Terengganu, Kota Bharu, Pasir Mas, Kota Setar, Kuala Muda, Seremban, Kuantan, Melaka Tengah, Perlis, dan Seberang Perai Tengah pada 8 Ogos lalu.

Bagaimanapun, katanya mulai 26 Februari lepas, Skim Perubatan Madani memberi tumpuan operasi kepada 10 daerah (fasa satu) bagi tujuan memantapkan dan memperkemaskan lagi operasi skim perubatan itu memandangkan kesesakan di fasiliti KKM daerah lain telah berkurangan.

AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 15  
RUANGAN : NEGARA

### **Keluar 8,795 notis kesalahan kerana merokok, vape**

IPOH – Perak mengeluarkan 8,795 notis di bawah kesalahan Peraturan Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (PPKHT) 2004 termasuk kepada Orang Belum Dewasa (OBD).

Bagi membendung tabiat merokok dalam kalangan belia, aktiviti advokasi bahaya rokok dan vape dibuat melibatkan pelbagai lapisan umur pelajar sekolah rendah hingga ke institusi pengajian tinggi.

Pengerusi Jawatankuasa Sumber Manusia, Kesihatan, Hal Ehwal Masyarakat India dan Integrasi Nasional Perak, A. Sivanesan berkata, pada 2023, setiap daerah di Perak menjalankan aktiviti advokasi ke hampir 40 fasiliti pendidikan mencakupi 8,000 pelajar.

"Secara keseluruhan, sebanyak 8,795 notis di bawah kesalahan PPKHT 2004 dikeluarkan Cawangan Inspektorat dan Perundangan Jabatan Kesihatan Negeri Perak.

"Sebanyak 273 notis dikeluarkan khusus kepada OBD serta sebanyak 363 notis kerana *vaping* di kawasan larangan," katanya dalam sesi soal jawab sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Perak di sini semalam.

AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 28  
RUANGAN : NEGERI

28

NEGERI

SINAR HARIAN • JUMAAT 1 MAC 2024

TELLUS & TULLUS  
**Sinar**  
Harlan

SELANGOR/KL PERAK KELANTAN

TELLUS &amp; TULLUS • TIDAK DICENGKAM OLEH TANGAN GHAIB • MATA DAN TELINGA RAKYAT • PEMACU PERUBAHAN



## Kesihatan Raja Herald V semakin baik - Istana Norway

**KUALA LUMPUR** - Raja Norway Raja Harald V yang kini sedang menjalani rawatan di Hospital Sultanah Maliha (HSM) di Langkawi semakin pulih daripada jangkitan, kata pihak Istana Norway.

Pihak istana menerusi laman sesawang [www.royalcourt.no](http://www.royalcourt.no) pada Rabu berkata, keadaan kesihatan Raja Harald V yang semakin pulih disahkan oleh doktor peribadinya di Langkawi.

"Baginda dirawat dengan baik di hospital dan menerima rawatan yang baik," menurut kenyataan itu.

Menurut Istana Norway, Raja Harald V akan berada di hospital untuk beberapa hari lagi dan belum ada keputusan dibuat berhubung keberangkatan pulang baginda ke tanah air.

"Kedutaan Norway di Kuala Lumpur telah menawarkan bantuan praktikal semasa lawatan ini," menurut kenyataan itu.

Kenyataan itu juga menyatakan bahawa program rasmi bagi seluruh kerabat diraja akan diteruskan seperti yang dirancang.

Pada Rabu, *Bernama* melaporkan

Raja Harald V sedang menerima rawatan di Wad Diraja hospital itu selepas gering semasa bercuti di Malaysia.

Raja Harald V yang sedang dalam lawatan peribadi ke Malaysia dijadual menyambung semula tugas rasminya pada 8 Mac, apabila baginda dijangka bertemu dengan anggota Kabinet di Istana Diraja di Oslo.

Dilahirkan pada 21 Feb 1937, Raja Harald V menaiki takhta Norway pada tahun 1991.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES  
MUKA SURAT : 8  
RUANGAN : NEWS / NATION

**'MISCOMMUNICATION'**

## Madani Medical Scheme not terminated

**KUALA LUMPUR:** The Health Ministry has refuted claims regarding the termination of the Madani Medical Scheme initiative involving private general practitioners (GPs).

Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad said claims of the scheme's termination were due to miscommunication.

The scheme, he said, had been conducted in 10 designated districts since its introduction on June 15 last year.

The districts are Kuala Lumpur, Gombak, Hulu Langat, Petaling, Klang, Johor Baru, Kinta, Timur Laut, Kota Kinabalu and Kuching, with focus on reducing congestion at the ministry's health facilities.



Datuk Seri Dr  
Dzulkefly Ahmad

Under the second phase, it was expanded to another 11 districts, namely Kuala Nerus, Kuala Terengganu, Kota Baru, Pasir Mas, Kota Setar, Kuala Muda, Seremban, Kuantan, Melaka Tengah, Perlis and Seberang Prai Tengah, on Aug 8.

It was expanded nationwide under the third phase beginning Sept 19.

"Starting Feb 26 (this year), the scheme has concentrated its operations at these 10 districts to strengthen and improve operations to reduce patient congestion at the ministry's health facilities, given that congestion at other district facilities has decreased," he said in reply to a question from Datuk Dr Alias Razak (Perikatan Nasional-Kuala Nerus).

Alias had asked the government's justification for abolishing the scheme at private clinics and only offering the service in 10 designated districts when the ministry had received an allocation of RM100 million in the 2024 Budget.

Dr Dzulkefly said out of that allocation, RM78.73 million had already been spent, leaving a balance of RM16.2 million which was expected to be exhausted by April.

As such, he called on the public, especially the B40 group, to take advantage of health programmes offered by the government, such as PeKa B40 and Madani Afiat.

AKHBAR : THE SUN  
MUKA SURAT : 4  
RUANGAN : NATIONAL

## Twelve food premises ordered to close

**KOTA BHARU:** The Integrated Clean Premises Operation conducted by the Kelantan State Health Department on Wednesday resulted in the closure of 12 food premises for 14 days under Section 11 of the Food Act 1983, due to failure to meet cleanliness standards.

Department director Dr Zaini Hussin said the operation targeted food premises in areas around Bandar Pasir Puteh, the Pasir Puteh-Terengganu border and main roads up to the Pasir Puteh-Kota

Bharu border, which are heavily frequented by the public.

He said the operation resulted in the issuance of 89 Section 32B notices by the department to premises owners and food handlers for various violations related to the Food Hygiene Regulations 2009, which necessitate court attendance.

"The offences detected include failure to display their registration certificate, failure to comply with requirements related to the general

duties of the owner, proprietor or the food premises' occupants, and offences related to food handler attire," he said in a statement.

The operation involved 74 department personnel, with 62 food premises inspected.

Zaini said that Section 32B notices can be settled with a compound within one month from the date of issuance while errant food premises owners will receive guidance for cleanliness improvement. – Bernama

✦